

13 September 2021

**Soalan Lazim: Perkara Yang Perlu Anda Ketahui
Program Bantuan Pembayaran Baharu AFFIN (NRA 2.0)
untuk Individu dan Peminjam/Pelanggan Perusahaan Mikro & Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)**

No	Soalan	Jawapan
1	Apakah Program Bantuan Pembayaran Baharu AFFIN (NRA 2.0) yang ditawarkan oleh AFFIN BANK?	<p>NRA 2.0 ialah Program Bantuan Pembayaran Baharu. Ia ditawarkan untuk individu, perniagaan mikro dan pelanggan PKS yang terjejas ketika Perintah Kawalan Pergerakan.</p> <p>NRA 2.0 terbuka untuk pelanggan yang layak bermula 7 Julai 2021 sehingga Perintah Kawalan Pergerakan masih berkuat kuasa.</p>
2	Siapa yang layak untuk NRA 2.0?	<p><u>Program NRA 2.0 tersedia untuk pelanggan seperti yang berikut :-</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i. Individu ii. Perusahaan Mikro iii. PKS <p>Nota: Definisi untuk PKS dan Perusahaan Mikro didefinisikan di dalam Garis Panduan PKS yang dikeluarkan oleh SME Corporation Malaysia. Sila layari laman sesawang www.smecorp.gov.my</p>
3	Apakah fasiliti yang layak dibawah NRA 2.0?	<ul style="list-style-type: none"> a. Pinjaman / pembiayaan perumahan b. Pinjaman / pembiayaan peribadi c. Pinjaman/pembiayaan sewa beli / sewa beli-i d. Pinjaman berjangka / pembiayaan yang telah ditukar dari baki kad kredit/jumlah prinsipal kad kredit-i e. Pinjaman ASB/Pembiayaan Berjangka Tawarruq Dijamin oleh Sekuriti f. Pinjaman/Pembiayaan Pendidikan <p><u>Nota untuk Pemohon Perusahaan Mikro/PKS</u> Untuk kemudahan selain daripada Sewa Beli/Sewa Beli-i dan Pinjaman/ Pembiayaan Perumahan, sila layari laman web https://www.affinonline.com/bm/covid-19 dan rujuk kepada Soalan-Soalan Lazim untuk Perniagaan Mikro dan PKS.</p>

No	Soalan	Jawapan
4	Siapakah yang layak untuk menyertai program NRA 2.0?	<p>Program NRA 2.0 tersedia untuk yang berikut :-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Fasiliti yang diluluskan sebelum 30 Jun 2021 dan kekal tidak tertunggak melebihi sembilan puluh (90) hari pada tarikh permohonan. • Tidak dikenakan caj kebangkrapan (Individu) atau perniagaan yang menjalani proses penggulungan (Perusahaan Mikro & PKS).
5	Apakah dokumen yang perlu disertakan bersama borang permohonan?	<p>Individu Tiada dokumen diperlukan</p> <p>Perusahaan Mikro & PKS Tiada dokumen diperlukan, hanya pengisytiharan diri yang terdapat di dalam e-Borang.</p> <p>Nota Pihak Bank boleh membuat panggilan susulan terhadap pelanggan untuk mengetahui keadaan kewangan mereka setelah bantuan pembayaran balik diberikan untuk penilaian dalaman.</p>
6	Adakah saya perlu mendapatkan persetujuan daripada Peminjam Bersama / Pelanggan atau Penjamin sekiranya ada, sebelum memohon program NRA 2.0 ini?	Ya, anda perlu mendapatkan persetujuan daripada Peminjam Bersama / Pelanggan atau Penjamin sekiranya ada, sebelum anda membuat permohonan ini.
7	Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat mengenai ciri/pilihan program NRA 2.0?	<p>Sebarang pertanyaan mengenai NRA 2.0, anda boleh:</p> <ol style="list-style-type: none"> Sila layari laman sesawang Bank di: <ul style="list-style-type: none"> • www.affinonline.com • www.affinbank.com.my • www.affinislamic.com.my Hubungi Pusat Panggilan AFFIN BANK - 03-8230 2222 <ul style="list-style-type: none"> • antara jam 8.00 pagi hingga 12.00 pagi (waktu kerja biasa) • antara jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam (semasa PKP) (Tertakluk pada syarat PKP)
8	Adakah saya layak secara automatik untuk program NRA 2.0 ini?	Tidak, anda harus memilih salah satu pilihan yang ada dalam program NRA 2.0 ini. Sila rujuk perkara 11 untuk maklumat lanjut.
9	Pada masa ini, akaun saya berada di bawah FAIR/X-TRA/R&R, adakah saya layak untuk menyertai program ini?	Ya, tertakluk kepada perkara 2 dan 4 di atas.

No	Soalan	Jawapan
10	Bagaimanakah cara untuk saya memohon program NRA 2.0 ini?	<p>Anda boleh memohon program NRA 2.0 ini melalui saluran berikut:</p> <p>a) Lengkapkan e-Borang NRA 2.0 di laman sesawang AFFIN BANK</p> <ul style="list-style-type: none"> i. www.affinonline.com ii. www.affinbank.com.my iii. www.affinislamic.com.my <p>b) Kunjungi mana-mana cawangan AFFIN BANK / AFFIN ISLAMIC dan pegawai kami akan membantu anda.</p>
11	Apakah pilihan pembayaran pinjaman/ pembiayaan tersedia di bawah program NRA 2.0 ini?	<p>Pilihan pinjaman/pembiayaan berikut akan disediakan kepada pelanggan yang layak:</p> <p>1. Pilihan 1: Penangguhan ansuran enam (6) bulan</p> <p>Atau</p> <p>2. Pilihan 2: 50% pengurangan ansuran selama enam(6) bulan*</p> <p>*Hanya terpakai untuk pinjaman/pembiayaan yang telah dibiayai sepenuhnya.</p> <p>Untuk ilustrasi perincian mengenai jumlah faedah yang terakru semasa tempoh enam (6) bulan penangguhan, perubahan dalam jadual tempoh pembayaran dan bayaran ansuran bulanan yang perlu dibayar pada masa akan datang, sila rujuk kepada Lampiran 1.</p> <p><u>Nota</u> Untuk Pinjaman Konvensional dan Pembiayaan Islamik, faedah/keuntungan akan terus terakru. Bayaran faedah terkumpul dan bayaran lewat/caj pampasan untuk pembayaran lewat (Ta'widh) akan dikecualikan dalam tempoh penangguhan. Sekiranya anda memerlukan ansuran / pembayaran bulanan yang lebih rendah atau fleksibiliti untuk lanjutan tempoh, sila e-mel ke affin_assist@affinbank.com.my untuk bantuan.</p>

No	Soalan	Jawapan
12	<p><u>Untuk Kad Kredit / Kad Kredit-i sahaja</u></p> <p>Apakah pelan ansuran yang ada?</p>	<p>Untuk Kad Kredit / Kad Kredit-i, pelanggan boleh menukar baki / jumlah prinsipal tertunggak mereka ke dalam pelan ansuran dalam jangka masa sehingga 60 bulan dengan kadar faedah / kemudahan efektif sebanyak 13% setahun</p> <p>Sekiranya anda menukar baki kad kredit/kad kredit-i menjadi pinjaman/ pembiayaan berjangka, anda layak untuk memohon program ini dengan syarat perkara 2 dan 4 dipatuhi.</p>
13	<p>Apakah proses permohonan untuk NRA 2.0?</p>	<p>a) Lengkapkan Borang Permohonan Program NRA 2.0 (semua ruangan adalah wajib)</p> <p>b) Hantar Borang Permohonan Program NRA 2.0</p> <p>c) Anda akan menerima notifikasi permohonan anda melalui e-mel</p> <p>d) Anda akan menerima notifikasi permohonan anda melalui SMS.</p> <p>e) Surat Penerimaan akan dihantar kepada anda melalui e-mel untuk produk berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sewa Beli • Semua Produk Pembiayaan Islam Berkadar Tetap <p>Sekiranya permohonan anda dibuat pada bulan Julai 2021, bantuan tersebut akan berkuat kuasa mulai Julai 2021 untuk semua pembayaran balik / pembayaran. Untuk permohonan yang dibuat selepas Julai 2021, Program NRA 2.0 akan bermula pada pembayaran balik / pembayaran anda yang seterusnya dari tarikh permohonan dibuat.</p> <p>Pelanggan akan diberitahu mengenai jumlah pembayaran balik / pembayaran bulanan dan/atau tempoh pembiayaan mereka akan disesuaikan mengikut kos pembiayaan keseluruhan yang lebih tinggi sebelum mendapat persetujuan pelanggan.</p> <p>Bank akan menyediakan pilihan bagi pelanggan untuk mendapatkan perincian khusus mengenai implikasi kos bantuan, sebelum mereka mengesahkan pilihan mereka. Ini merangkumi gambaran terperinci mengenai jumlah faedah / keuntungan yang terakru dalam tempoh 6 bulan penangguhan, perubahan jadual pembayaran dan pembayaran ansuran bulanan yang akan dibayar pada masa akan datang. Rujuk Lampiran 1 untuk ilustrasi.</p>
14	<p>Adakah program NRA 2.0 ini akan memberi kesan pada rekod CCRIS saya?</p>	<p>Tidak, status akaun anda tidak akan berubah sepanjang tempoh penangguhan.</p>
15	<p>Adakah terdapat bayaran / caj pemprosesan yang dikenakan untuk program NRA 2.0 ini?</p>	<p>i. Tiada bayaran/caj pemprosesan yang dikenakan berkaitan dengan permohonan bantuan pembayaran balik untuk pelanggan individu dan PKS.</p> <p>ii. Untuk Sewa Beli / Sewa Beli-i, bayaran setem RM10 akan ditanggung oleh pelanggan.</p>

No	Soalan	Jawapan
16	Berapa lama saya akan mendapat jawapan untuk permohonan saya setelah menghantar e-borang?	Pihak Bank akan segera mengakui permohonan yang diterima melalui e-mel.
17	Berapa lama saya perlu menunggu untuk mendapat keputusan permohonan saya	<p>Individu Lima (5) hari masa pemprosesan maksimum</p> <p>Perusahaan Mikro & PKS Empat belas (14) hari masa pemprosesan maksimum</p>
18	Adakah saya / peminjam bersama / atau penjamin perlu menandatangani sebarang perjanjian?	<p>Ya, Perjanjian perlu ditandatangani untuk produk berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sewa Beli • Semua Pembiayaan Islam Berkadar Tetap <p>Ini diperlukan oleh Akta Sewa Beli, piawaian Syariah atau formaliti lain seperti yang mungkin diperlukan untuk penjamin atau akaun bersama.</p>
20	Bagaimanakah dengan ansuran bulan Julai 2021 saya yang telah dibayar melalui Arahan Tetap atau kaedah pembayaran lain?	<p>Sekiranya ansuran anda untuk bulan Julai 2021 telah ditolak secara automatik melalui Arahan Tetap atau kaedah pembayaran lain, anda boleh meminta pembayaran balik bagi jumlah yang ditolak jika pembayaran yang dibuat adalah untuk bulan semasa.</p> <p><u>Nota:</u> Untuk pinjaman selain dari Pinjaman Kenderaan / Pinjaman Kenderaan -I, jika pembayaran pada bulan Julai 2021 adalah untuk ansuran bulan Jun, maka, anda tidak layak untuk mendapatkan pembayaran balik untuk bayaran yang dilakukan pada bulan Julai 2021.</p>
21	Bagaimanakah cara untuk saya menghentikan Arahan Tetap pembayaran ansuran bulanan saya jika Arahan Tetap tersebut adalah daripada bank lain?	<p>Anda dinasihatkan untuk segera menghubungi bank anda untuk membatalkan Arahan Tetap setelah anda mendapat pemberitahuan dari AFFIN BANK / AFFIN ISLAMIC bahawa pilihan anda telah didaftarkan di AFFIN Program NRA 2.0.</p> <p>Sila maklumkan kepada bank anda untuk mengaktifkan semula Arahan Tetap anda setelah tempoh pilihan anda berakhir.</p>
22	Bagaimanakah jika saya tidak menepati kelayakan untuk program NRA 2.0 ini?	<p>Anda boleh memilih program Penjadualan & Penstrukturan Semula. Sila hantarkan permohonan anda melalui e-mel kepada affin_assist@affinbank.com.my berserta maklumat berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Nama Penuh: 2) Nombor Telefon: 3) Nombor Akaun Pinjaman: 4) Alamat E-Mel:

23	Bolehkah saya menyemak semula jadual pembayaran saya sekiranya keadaan kewangan saya bertambah baik?	Ya, anda boleh menghubungi kami melalui e-mel di affin_assist@affinbank.com.my untuk menyemak semula jadual pembayaran balik anda.
----	--	---

No	Soalan	Jawapan
24	Adakah program NRA 2.0 menggantikan program bantuan lain yang ditawarkan oleh AFFIN BANK?	Ya, program NRA 2.0 menggantikan semua program bantuan lain yang ditawarkan oleh AFFIN BANK. Ini termasuk: <ul style="list-style-type: none"> • FAIR • X-TRA • NRA 1.0 (dikenali sebagai NRA)
25	Apakah kesan penangguhan ini kepada perlindungan insurans/ takaful saya?	Insurans/takaful anda mungkin tidak mencukupi untuk menampung jadual pembayaran yang disemak semula. Anda disarankan untuk mengkaji perlindungan insurans/takaful berkaitan kredit anda untuk memastikan bahawa kemudahan pembiayaan anda dilindungi dengan secukupnya.
26	Bilakah tarikh tutup untuk saya memohon program NRA 2.0 ini?	Pihak Bank akan terus memberikan bantuan ini selagi Perintah Kawalan Pergerakan masih berkuat kuasa.
27	Bagaimanakah sekiranya permohonan program NRA 2.0 saya ditolak oleh pihak bank?	<p><u>Individu dan Perusahaan Mikro</u></p> <p>Anda boleh merujuk kepada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk bantuan selanjutnya berkenaan pembayaran pinjaman/ pembiayaan anda serta menerima maklumat berkaitan penyelesaian alternatif. Anda boleh mengunjungi laman web AKPK: www.akpk.org.my atau hubungi 03-26167799.</p> <p><u>Perusahaan kecil dan sederhana (PKS)</u></p> <p>Anda boleh merujuk kepada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk bantuan selanjutnya berkenaan pembayaran pinjaman/ pembiayaan anda serta menerima maklumat berkaitan penyelesaian alternatif. Anda boleh mengunjungi laman web AKPK: https://www.akpk.org.my/sdrs_atau hubungi 03-26167799.</p>
28	Bagaimanakah jika saya memerlukan bantuan lanjut selepas tempoh penangguhan?	Ya, anda boleh menghubungi kami melalui e-mel di affin_assist@affinbank.com.my untuk bantuan lanjut.

Lampiran 1
Pembiayaan Islam
Ilustrasi 1: Moratorium selama (6) enam bulan

Pembiayaan Islam dengan kadar boleh ubah (Pembiayaan Perumahan-i, Pembiayaan Tawarruq-i Dijamin oleh Sekuriti, Pembiayaan Pendidikan-i, Pembiayaan Peribadi-i dan Pembiayaan Berjangka-i)

Jumlah Pembiayaan Asal	: RM250,000.00
Kadar Keuntungan	: 4.40% Setahun
Tarikh Permulaan Pembiayaan	: 5/7/2020
Tempoh Pembiayaan	: 30 Tahun
Tarikh Matang Pembiayaan Asal	: 5/6/2050
Ansuran Bulanan Asal	: RM1,252.00
Tarikh Moratorium	: 7/7/2021
Baki Pokok	: 245,562.05

Bulan	Tarikh Bayaran	Ansuran Bulanan	Keuntungan Bulanan	Baki Pokok	Jumlah Penyelesaian
1	5/7/2021	-	917.66	245,562.05	246,479.71
2	5/8/2021	-	917.66	245,562.05	247,397.38
3	5/9/2021	-	888.06	245,562.05	248,285.44
4	5/10/2021	-	917.66	245,562.05	249,203.10
5	5/11/2021	-	888.06	245,562.05	250,091.16
6	5/12/2021	-	917.66	245,562.05	251,008.82
7	5/1/2022	1,280.00	917.66	245,562.05	250,648.48

1. Keuntungan terkumpul yang terakru sepanjang tempoh Moratorium (RM5,446.77) akan disusun semula sebagai Keuntungan Berstruktur dan tidak akan dikompaun.
2. Keuntungan Disusun tidak akan dimasukkan ke dalam Baki Pokok.
3. Keuntungan selepas Moratorium (bulan ke 7 dan selanjutnya) akan dikira berdasarkan Baki Pokok sehingga penyelesaian penuh.
4. Jumlah Penyelesaian ialah Baki Pokok dan baki Keuntungan Disusun yang perlu dibayar untuk penyelesaian awal pembiayaan.
5. Tarikh matang pembiayaan akan dilanjutkan selama (6) enam bulan sehingga 5/12/2050 dan ansuran bulanan baharu ialah RM1,280.00 (tambahan sebanyak RM28.00).

Ilustrasi 2: 50% Pengurangan Ansuran selama (6) enam Bulan

Pembiayaan Islam dengan Kadar boleh ubah (Pembiayaan Perumahan-i, Pembiayaan Tawarruq-i Dijamin oleh Sekuriti dan Pembiayaan Berjangka-i)

Jumlah Pembiayaan Asal	: RM250,000.00
Kadar Keuntungan	: 4.40% Setahun
Tarikh Permulaan Pembiayaan	: 5/7/2020
Tempoh Pembiayaan	: 30 Tahun
Tarikh Matang Pembiayaan Asal	: 5/6/2050
Ansuran Bulanan Asal	: RM1,252.00
Tarikh Moratorium	: 7/7/2021
Baki Pokok	: 245,562.05
50% Pengurangan Ansuran	: 626.00

Bulan	Tarikh Bayaran	Ansuran Bulanan	Keuntungan Bulanan	Bayaran Keuntungan	Baki Keuntungan	Baki Pokok	Jumlah Penyelesaian
1	5/7/2021	626.00	917.66	626.00	291.66	245,562.05	245,853.71
2	5/8/2021	626.00	917.66	626.00	291.66	245,562.05	246,145.38
3	5/9/2021	626.00	888.06	626.00	262.06	245,562.05	246,407.44
4	5/10/2021	626.00	917.66	626.00	291.66	245,562.05	246,699.10
5	5/11/2021	626.00	888.06	626.00	262.06	245,562.05	246,961.16
6	5/12/2021	626.00	917.66	626.00	291.66	245,562.05	247,252.82
7	5/1/2022	1,261.00	917.66	917.66		245,562.05	246,909.48

- Keuntungan terkumpul yang terakru sepanjang tempoh Moratorium (RM1,690.77) akan disusun semula sebagai Keuntungan Berstruktur dan tidak akan dikompaun Keuntungan Disusun tidak akan dimasukkan ke dalam Baki Pokok.
- Keuntungan selepas Moratorium (bulan ke 7 dan selanjutnya) akan dikira berdasarkan Baki Pokok sehingga penyelesaian penuh.
- Jumlah Penyelesaian ialah Baki Pokok dan baki Keuntungan Disusun yang perlu dibayar untuk penyelesaian awal pembiayaan.
- Tarikh matang pembiayaan akan dilanjutkan selama (6) enam bulan sehingga 5/12/2050 dan ansuran bulanan baharu ialah RM1,261.00 (tambahan sebanyak RM9.00).

Pinjaman Konvensional

Ilustrasi 1: Moratorium selama (6) enam bulan

Pinjaman konvensional dengan Kadar boleh ubah (Pinjaman Perumahan, Pinjaman ASB, dan Pinjaman Berjangka)

Jumlah Pinjaman Asal	: RM250,000.00
Kadar Faedah	: 4.40% Setahun
Tarikh Permulaan Pinjaman	: 5/7/2020
Tempoh Pinjaman	: 30 Tahun
Tarikh Matang Pinjaman Asal	: 5/6/2050
Ansuran Bulanan Asal	: RM1,252.00
Tarikh Moratorium	: 7/7/2021
Baki Pokok	: 245,562.05

Bulan	Tarikh Bayaran	Ansuran Bulanan	Faedah Bulanan	Bayaran Pokok	Baki Pokok	Jumlah Penyelesaian
1	5/7/2021	-	917.66	-	245,562.05	246,479.71
2	5/8/2021	-	917.66	-	245,562.05	247,397.38
3	5/9/2021	-	888.06	-	245,562.05	248,285.44
4	5/10/2021	-	917.66	-	245,562.05	249,203.10
5	5/11/2021	-	888.06	-	245,562.05	250,091.16
6	5/12/2021	-	917.66	-	245,562.05	251,008.82
7	5/1/2022	1,280.00	938.02	341.98	250,666.84	250,666.84

1. Faedah Bulanan terkumpul sepanjang tempoh Moratorium (RM5,446.77) akan dimasukkan ke dalam jumlah pokok selepas tamat tempoh moratorium.
2. Faedah selepas Moratorium (bulan ke 7 dan selanjutnya) akan dikira berdasarkan Baki Pokok sehingga penyelesaian penuh.
3. Tarikh matang pembiayaan akan dilanjutkan selama (6) enam bulan sehingga 5/12/2050 dan ansuran bulanan baharu ialah RM1,280.00 (tambahan sebanyak RM28.00).

Ilustrasi 2: 50% Pengurangan Ansuran selama (6) enam Bulan

Pinjaman konvensional dengan Kadar boleh ubah (Pinjaman Perumahan, Pinjaman ASB, dan Pinjaman Berjangka)

Jumlah Pembiayaan Asal	: RM250,000.00
Kadar Faedah	: 4.40% Setahun
Tarikh Permulaan Pinjaman	: 5/7/2020
Tempoh Pinjaman	: 30 Tahun
Tarikh Matang Pinjaman Asal	: 5/6/2050
Ansuran Bulanan Asal	: RM1,252.00
Tarikh Moratorium	: 7/7/2021
Baki Pokok	: 245,562.05
50% Pengurangan Ansuran	: 626.00

Bulan	Tarikh Bayaran	Ansuran Bulanan	Faedah Bulanan	Bayaran Faedah	Baki faedah	Baki Pokok	Jumlah Penyelesaian
1	5/7/2021	626.00	917.66	626.00	291.66	245,562.05	245,853.71
2	5/8/2021	626.00	917.66	626.00	291.66	245,562.05	246,145.38
3	5/9/2021	626.00	888.06	626.00	262.06	245,562.05	246,407.44
4	5/10/2021	626.00	917.66	626.00	291.66	245,562.05	246,699.10
5	5/11/2021	626.00	888.06	626.00	262.06	245,562.05	246,961.16
6	5/12/2021	626.00	917.66	626.00	291.66	245,562.05	247,252.82
7	5/1/2022	1,261.00	923.98	923.98	-	246,915.80	246,915.80

1. Faedah Bulanan terkumpul sepanjang tempoh Moratorium (RM1,690.77) akan dimasukkan ke dalam jumlah pokok selepas tamat tempoh moratorium.
2. Faedah selepas Moratorium (bulan ke 7 dan selanjutnya) akan dikira berdasarkan Baki Pokok sehingga penyelesaian penuh.
3. Tarikh matang pembiayaan akan dilanjutkan selama (6) enam bulan sehingga 5/12/2050 dan ansuran bulanan baharu ialah RM1,261.00 (tambahan sebanyak RM9.00).

Ilustrasi 1:**Sewa Beli dan Produk Pembiayaan Tetap Islam.**

Ansuran bulanan anda tetap tidak berubah.

Tempoh kemudahan anda tidak berubah dan tarikh matang anda akan dilanjutkan.

Caj pembayaran / pampasan lewat (Ta'widh) tidak akan dikenakan semasa tempoh penangguhan.

Semua caj faedah / keuntungan pada jumlah pokok tertanggung berdasarkan Tahap Peratus Tahunan (APR) daripada pembayaran penangguhan, akan dibayar pada akhir tempoh bersama dengan pembayaran akhir.

Sila rujuk contoh di bawah:

Contoh: Sewa Beli dan Pembiayaan Tetap Islam

Jumlah pinjaman / pembiayaan	RM	40,000.00
Caj faedah / keuntungan / jangka masa	%	2.50
Tempoh Pinjaman/Pembiayaan	Bulan	108
Tempoh Baki	Bulan	34
Ansuran Bulanan	RM	454.00

Bayaran untuk ansuran tertunda	RM	370.00
Ansuran Akhir	RM	824.00
Tempoh Pinjaman Baharu	Bulan	40

Kad Kredit/Kad Kredit-i

Untuk kad kredit / kad kredit-i, anda perlu menukar jumlah baki/prinsipal tertunggak anda kepada tempoh tetap pelan ansuran.

Fasiliti Asal dengan syarat berikut:

* Berdasarkan pembayaran minimum 5%

Prinsipal	RM20,000.00
Caj Kewangan	18.00%

Ilustrasi selepas penukaran menjadi pinjaman/pembiayaan berjangka:

1. Pinjaman/pembiayaan berjangka untuk tempoh 36 bulan

Tempoh	36
Prinsipal	20,000.00
Kadar Faedah/Keuntungan(EIR)	13.00%
Kadar Faedah/Keuntungan Bulanan	1.08%
Ansuran Bulanan	RM673.88
Jumlah Perlu Dibayar	RM24,259.65
Jumlah Faedah/Keuntungan	RM4,259.65

2. Pinjaman/pembiayaan berjangka untuk tempoh 60 bulan

Tempoh	60
Prinsipal	20,000.00
Kadar Faedah/Keuntungan(EIR)	13.00%
Kadar Faedah/Keuntungan Bulanan	1.08%
Ansuran Bulanan	RM455.06
Jumlah Perlu Dibayar	RM27,303.69
Jumlah Faedah/Keuntungan	RM7,303.69